

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**RMK 354 – Undang-Undang Binaan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

- 2 -

1. Dalam menyelesaikan pertikaian di antara klien dengan kontraktor, atau kontraktor dengan subkontraktor, salah satu alternatifnya adalah melalui timbangtara. Bandingkan kaedah penyelesaian melalui timbangtara yang diperkenalkan di dalam Fasal 34 Borang PAM 1998 dengan Fasal 54 Borang JKR 203/203A.

(25 markah)

2. Sebahagian kontraktor memperolehi pembiayaan projek melalui wang pendahuluan yang diberikan oleh klien projek tersebut.

Dengan itu Bon Wang Pendahuluan diperkenalkan. Bincangkan bon ini daripada perspektif Majikan, mengenai:-

- (a) Keperluan bon ini.

(10 markah)

- (b) Bidang operasi/modus operandi

(i) Kutipan wang pendahuluan

(ii) Tuntutan atas kegagalan membayar wang pendahuluan

(15 markah)

3. Salah satu amalan pelaksanaan kerja adalah melalui pelantikan subkontraktor dinamakan. Bincangkan mengenai:-

- (a) Keperluan subkontraktor

(12 markah)

- (b) Kaedah lantikan subkontraktor dinamakan.

(13 markah)

4. Dalam mengurangkan risiko kerugian, salah satu cara yang diperkenalkan oleh klien untuk digunakan terhadap kontraktor dan subkontraktor ialah pengenaan ganti rugi yang ditetapkan. Bincangkan.

(25 markah)

5. Apabila kontraktor melantik subkontraktornya sendiri, pembekalnya sendiri dan pekerjanya sendiri, maka kontraktor itu sendiri perlu bertanggungjawab kepada apa-apa perhubungannya dengan mereka dan ini termasuklah pembayaran.

Bincangkan tanggungjawab kontraktor membayar kepada subkontraktornya.

(25 markah)